

11/02/1999

Graduan harus diberi peluang

Graduan USM Kecewa

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan syabas kepada segala usaha kerajaan dan rakyat yang bersungguh-sungguh dan tanpa jemu menangani isu kegawatan ekonomi ketika ini.

Pelbagai pelan tindakan dan pendekatan diambil hingga tertubuhnya Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang kini memainkan peranan penting untuk mencapai objektifnya.

Akhir-akhir ini, sudah nampak keyakinan ekonomi negara sedang menuju ke arah pemulihan. Sebagai contohnya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Rizab Negara semakin meningkat.

Selain itu, dapat juga dilihat kadar perberhentian pekerja yang dilaporkan kini semakin berkurangan. Ini semua adalah antara kejayaan yang dilakukan oleh kerajaan hingga kini dan menyebabkan pelabur kembali yakin untuk beroperasi di di negara ini.

Bagaimanapun, saya sebagai seorang dari ribuan graduan yang menganggur, berasa amat kesal dan kurang berpuas hati terhadap sikap sesetengah majikan syarikat swasta dalam pengambilan pekerja.

Ini kerana mereka menggunakan isu kegawatan ekonomi sebagai alasan untuk tidak mengambil graduan yang baru menamatkan pengajian. Ini menyebabkan ramai graduan yang baru tamat pengajian menganggur.

Setiap temuduga yang dihadiri pasti mengutarakan pengalaman pekerjaan. Bagaimana kami dapat memperolehi pengalaman sedangkan tidak diberi peluang untuk bekerja?

Pandangan bernas yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar kita tidak memilih pekerjaan kita alu-alukan. Bagaimanapun kebanyakan majikan tidak mahu mengambil graduan bekerja dengan alasan ia tidak sesuai dengan kelulusan yang diperolehi.

Saya contohnya pernah bekerja selama empat bulan sebagai operator pengeluaran di sebuah syarikat swasta yang kemudian mengambil tindakan memberhentikan saya apabila mengetahui saya mempunyai berkelulusan ijazah.

Ini menunjukkan terlalu sukar bagi graduan yang baru menamatkan pengajian seperti saya untuk mendapatkan pekerjaan.

Saya menesyorkan pihak kerajaan atau swasta yang prihatin dapat mengadakan semula Skim Siswazah yang pernah diadakan suatu ketika dulu sekitar 1980-an.

Malah pusat kemahiran bagi graduan menganggur sama seperti untuk pekerja yang diberhentikan kerja baru-baru ini wajar ditubuhkan supaya kami sama-sama dapat memberi sumbangan bermakna kepada agama, bangsa dan negara tercinta.

Semoga pandangan ini dapat meningkatkan semangat graduan untuk terus berkhidmat kepada negara.